

# UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

## KAEDAH-KAEDAH LALULINTAS JALAN UUM

### 1.0 AM

Peraturan lalulintasjalan ini dibuat selaras dengan Perkara 6(1)(w) dan Perkara 33(5), Perlembagaan Universiti Utara Malaysia. Peraturan lalulintas ini dinamakan sebagai Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan Universiti Utara Malaysia dan berkuatkuasa mulai 01 Ogos 2005.

### 2.0 TUJUAN

- (a) Peraturan-peraturan ini dikeluarkan dengan tujuan menjaga keselamatan dan kelincinan lalulintasjalan di dalam kawasan karnpus.
- (b) Peraturan-peraturan ini ditujukan kepada :
  - (i) semua kakitangan UUM
  - (ii) semua kakitangan anak syarikat UUM
  - (iii) semua pekerja-pekerja luar
  - (iv) semua pelawat

### 3.0 TAFSIRAN

- (a) Arahan lalulintas ertinya apa-apa perintah, arahan atau petunjuk yang diberi oleh seseorang yang diberi kuasa kepada mana-mana orang yang menggunakan jalan atau kenderaan di dalam karnpus.
- (b) Isyarat lalulintas termasuklah isyarat, tiang isyarat amaran, tiang arahan, isyarat, tanda atau alat yang didirikan atau disediakan pada atau berhampiran dengan jalan untuk pengetahuan, panduan atau petunjuk orang-orang yang menggunakan jalan.
- (c) Kampus ertinya Kampus UUM termasuk semua asrama, institusi dan bangunan Universiti.
- (d) Kakitangan ertinya mana-mana pekerja Universiti.
- (e) Kakitangan anak syarikat UUM ertinya semua kakitangan anak syarikat Universiti Utara Malaysia.
- (f) Kenderaan ertinya suatu struktur yang boleh bergerak atau digerakkan atau digunakan bagi membawa mana-mana orang atau benda dan yang bersentuhan dengan permukaan bumi apabila bergerak.

- (g) Kenderaan motor ertinya tiap-tiap perihalan kenderaan yang digerakkan oleh jentera mekanisme yang terkandung di dalam **badan** kenderaan itu dan dibina atau disesuaikan supaya boleh digunakan di atas jalan dan termasuklah apa-apa kenderaan yang ditarik oleh sesuatu kenderaan motor samada atau tidak bahagian dari kenderaan yang ditarik itu menindih atas kenderaan motor yang menariknya.
- (h) Kesalahan lalulintas seperti dinyatakan di dalam jadual (**Lampiran 1**).
- (i) Meletak kenderaan ertinya membawa sesuatu kenderaan kepada keadaan yang tidak bergerak dan menyebabkan kenderaan itu menunggu bagi apa-apa maksud selain mengambil atau menurunkan dengan serta merta orang, barang-barang atau bagasi.
- (j) Orang yang diberi kuasa ertinya mana-mana orang atau kumpulan orang yang diberi kuasa dengan sewajarnya untuk bertindak bagi pihak Universiti.
- (k) Pekerja luar ertinya seseorang bukan kakitangan UUM yang menjalankan sesuatu kerja tetap atau sementara di kampus UUM.
- (l) Pelawat ertinya seseorang yang datang melawat ke kampus UUM.
- (m) Pengawal Keselamatan ertinya semua peringkat anggota keselamatan yang dilantik oleh Pihak Berkuasa UUM dan ditugaskan mengawal keselamatan di dalam kampus.
- (n) Pelekat Kenderaan ertinya pelekat kenderaan motor yang dikeluarkan oleh Pihak Berkuasa UUM (Jabatan Keselamatan).

#### **4.0 PEMAKAIAN KAEDAH- KAEDAH LALULINTAS JALAN UNIVERSITI UTARA MALAYSIA DALAM KAWASAN KAMPUS**

- (a) Peruntukan-peruntukan Undang-undang Lalulintas Jalan *iaitu* :
  - (i) Akta Pengangkutan Jalan 1987.
  - (ii) Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan UUM
- (b) Tiada apa-apa dalam perenggan 4.0(a)(i) dan 4.0(a)(ii) boleh mengurangkan tanggungan mana-mana kakitangan, pekerja luar, pelawat atau orang lain dalam kampus kerana apa-apa kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987, Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan UUM berkenaan atau apa-apa perundangan kecil yang dibuat di bawahnya.

## **5.0 KUASA-KUASA PENGAWAL KESELAMATAN**

**5.1** Pengawal-Pengawal Keselamatan adalah berkuasa mengambil tindakan-tindakan berikut :

- (a) Melarang kenderaan motor yang tidak ada atau tidak menampalkan pelekat kenderaan dari memasuki kawasan kampus.
- (b) Menahan kenderaan motor dan menahan seseorang yang melakukan kesalahan lalulintas dalam kawasan kampus bagi tujuan mengambil sebarang maklumat mengenainya yang difikirkan perlu.
- (c) Mengeluarkan saman lalulintas kepada mana-mana orang yang melakukan kesalahan,
- (d) Kenderaan yang melanggar peraturan meletak kenderaan boleh di 'clamp'.
- (e) Mengambil apa-apa jua tindakan lain yang diarahkan oleh Pengarah Keselamatan bagi menguatkuasakan Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan ini.

**5.2** Pengarah Keselamatan dan Ketua Cawangan Trafik Jabatan Keselamatan boleh mengenakan denda sebanyak RM 30.00 (Ringgit Malaysia Tiga Puluh) bagi kesalahan lalulintas dan RM 50.00 (Ringgit Malaysia Lima Puluh) bagi membuka 'clamp'.

## **6.0 PELAKSANAAN TINDAKAN**

**6.1** Papan Kenyataan dipasang di lokasi strategik.

**6.2** Tindakan Saman

- (i) Mengeluarkan notis saman kepada pesalah.
- (ii) Memasukkan data kesalahan ke dalam Sistem Lalulintas UUM.
- (iii) Kompaun dibayar di kaunter Bendahari dalam tempoh 14 hari dari tarikh saman dikeluarkan.
- (iv) Memajukan laporan untuk tindakan tatatertib selepas tamat tempoh bayaran kompaun.

**6.3** Tindakan Clamp

- (i) Clamp kenderaan (kesalahan meletak kenderaan).
- (ii) Surat peringatan mengenai kenderaan di clamp dikeluarkan mencakupi arahan untuk ke Jabatan Keselamatan.
- (iii) Bayaran denda dibuat di kaunter Bendahari.
- (iv) Resit bayaran diserahkan kepada Pejabat Keselamatan untuk dibuat salinan dan simpanan jabatan.
- (v) Clamp akan dibuka oleh Pengawal Keselamatan.

## 7.0 PEMBATALAN PELEKAT KENDERAAN

- (a) Pengarah Keselamatan boleh membatalkan bagi satu tempoh masa yang tidak melebihi 6 bulan keistimewaan pelekak kenderaan yang dikeluarkan kepada seseorang pekerja luar.
- (b) Seseorang pekerja luar yang dibatalkan atau digantungkan keistimewaan pelekak kenderaannya tidak berhak membawa kenderaan bermotor ke dalam kampus bagi tempoh masa keistimewaan tersebut dibatalkan atau digantung.

## 8.0 TINDAKAN DI ATAS KESALAHAN LALULINTAS

- (a) Seseorang kakitangan UUM atau kakitangan anak syarikatnya yang didapati melakukan kesalahan lalulintas di dalam kawasan kampus dikenakan salah satu atau semua tindakan seperti berikut :
  - (i) Dikenakan kompaun sebanyak RM 30.00 bagi satu kesalahan yang dilakukan.
  - (ii) Mengunci roda kenderaan (*clamping*) dan sejumlah kompaun RM 50.00 untuk membukanya.
- (b) Seseorang pekerja luar atau pelawat yang melakukan kesalahan lalulintas boleh dikenakan tindakan seperti berikut :
  - (i) Dikenakan kompaun sebanyak RM 30.00 bagi satu kesalahan yang dilakukan.
  - (ii) Mengunci roda kenderaan (*clamping*) dan sejumlah kompaun RM 50.00 untuk membukanya.
  - (iii) Keistimewaan pelekak kenderaan yang dikeluarkan kepada seseorang pekerja luar atau pelawat boleh dibatalkan atau digantung mengikut Kaedah 7(a) dan 7 (b).
  - (iv) Keistimewaan yang diberikan kepada seseorang pekerja luar atau pelawat membawa kenderaannya ke dalam kawasan kampus tidak akan diberikan lagi di masa hadapan.
- (c) Kesalahan Lalulintas Kampus Universiti Utara Malaysia adalah seperti di **Lampiran 1**.

## KESALAHAN LALULINTAS JALAN KAMPUS UUM

No.	JENIS KESALAHAN	KOMPONEN	PERATURAN UNDANG-UNDANG
	<p><b>KESALAHAN LALULINTAS</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Memandu/menunggang kenderaan bermotor tanpa mempunyai lesen memandu yang sah.</li> <li>2. Memandu/menunggang kenderaan yang tamat cukai jalan.</li> <li>3. Memandu/menunggang kenderaan melebihi had laju.</li> <li>4. Kenderaan tidak dipandu/ditunggang atas jalan lalu bagi kereta dan motor.</li> <li>5. Membonceng motosikal melebihi dari had.</li> <li>6. Berlumba kenderaan bermotor di dalam Kampus.</li> <li>7. Tidak mematuhi arahan dan tanda lalu lintas.</li> <li>8. Tidak menggantung plat kenderaan.</li> <li>9. Tidak memakai tali pinggang/topi keledar.</li> <li>10. Tidak memasang lampu siang (motosikal) dan lampu kenderaan waktu malam.</li> </ol>	<p><b>KOMPONEN KESALAHAN LALULINTAS</b></p> <ol style="list-style-type: none"> <li>1. Komponen yang dikenakan adalah sebanyak RM 30.00. Jika denda tidak dijelaskan dalam tempoh 14 hari dari tarikh saman dikeluarkan, laporan akan dimajukan kepada Jawatankuasa Tatatertib Universiti.</li> <li>2. Pembatalan pelekat kenderaan bagi pekerja luar dan dilarang memasuki Kampus.</li> </ol>	<ol style="list-style-type: none"> <li>1. Akta Pengangkutan Jalan 1987.</li> <li>2. Kaedah lalulintas Jalan UUM.</li> </ol>

## KESALAHAN LALULINTAS JALAN KAMPUS UUM

KESALAHAN	KOMPONEN	PERATURAN UNDANG-UNDANG
<p>11. Enggan bekerjasama dengan Pegawai Penguatkuasa.</p> <p>12. Melanggar peraturan-peraturan lain di dalam Akta Pengangkutan Jalan 1987 dan Kaedah-Kaedah Lalulintas Jalan UUM.</p>		
<p><b>KESALAHAN MELETAK KENDERAAN</b></p>	<p><b>KOMPAUN MELETAK KENDERAAN</b></p>	
<p>1. Meletak motosikal di tempat letak kereta.</p> <p>2. Meletak kenderaan secara menghalang.</p> <p>3. Halangan kepada aliran lalulintas.</p> <p>4. Meletak kenderaan di tempat lintasan jalan kaki.</p> <p>5. Meletak kenderaan di kepala simpang.</p> <p>6. Meletak kenderaan bukan di tempat yang disediakan.</p> <p>7. Meletak kenderaan berhampiran pili bomba/stesyen janakuasa elektrik.</p> <p>8. Menggunakan ruang letak kereta 'khas'.</p>	<p>1. Mengunci Kenderaan-Clamping</p> <p>2. Kompaun</p> <p style="padding-left: 20px;">2.1 Kompaun membuka "Clamp" adalah RM 50.00.</p> <p style="padding-left: 20px;">2.2 Membayar kos sebenar alatan clamp yang dirosakkan.</p>	